



**KONGSI  
KEGEMBIRAAN:**  
Muhammad Irham  
(tengah) bersama  
bapanya, Encik  
Zainal Ibrahim, dan  
ibunya, Cik Betalina  
Intan Basoeki,  
selepas majlis  
konvokesyen  
Sekolah Tinggi NUS  
baru-baru ini.

## *Terus cabar diri dalam matematik*

MUHAMMAD Irham Rasyidi Zainal baru-baru ini menggenggam diploma daripada Sekolah Tinggi NUS bagi Matematik dan Sains dengan kepujian.

Ia bukan calang-calang pencapaian kerana beliau muncul sebagai antara pelajar terbaik di sekolah itu.

Bukan itu sahaja yang digenggam pelajar berusia 18 tahun itu sepanjang enam tahun di sekolah itu.

Beliau telah menyertai sekurang-kurangnya empat pertandingan matematik dan informatik dan berjaya merangkul pingat gangsa, perak dan emas bagi pertandingan Olympiad Nasional dalam Informatik – masing-masing pada 2012, 2013 dan tahun ini.

Pertandingan itu melibatkan tugas dalam pemrograman (berkaitan sains komputer) yang perlu diselesaikan dalam masa lima jam.

Malah, bagi tahun ini beliau juga muncul sebagai tiga peserta terbaik.

“Memang dari sekolah rendah lagi saya minat matematik dan sains. Semasa kecil saya ingat saya suka bermain permainan komputer yang memerlukan

pemain berfikir,” ujar bekas murid Sekolah Rendah Concord itu.

Beliau merupakan anak kedua dalam tiga beradik kepada Encik Zainal Ibrahim, pengurus kanan dalam perkhidmatan awam, dan Cik Betalina Intan Basoeki, suri rumah.

Didorong minat yang mendalam terhadap matematik dan sains, beliau memohon memasuki Sekolah Tinggi NUS enam tahun lalu.

Di sekolah itu beliau memanfaatkan sepenuhnya pendidikan di sekolah itu dengan mencabar dirinya menerusi pelbagai pertandingan.

“Pada saya lebih penting ialah persai-  
ngan dengan diri sendiri,” ujarnya.

Beliau kini mengambil modul elektif matematik di Universiti Nasional Singapura (NUS) untuk terus mencabar diri beliau dalam bidang matematik.

Beliau kemudian akan menjalani Perkhidmatan Negara (NS) sebelum menimbangkan memasuki universiti untuk menyambung pengajian beliau, besar kemungkinan dalam bidang sains komputer.

---

“Memang dari sekolah rendah lagi saya minat matematik dan sains. Semasa kecil saya ingat saya suka bermain permainan komputer yang memerlukan pemain berfikir.”

– Muhammad Irham Rasyidi Zainal

---